

SULIT

1249/1

1249/1

Sejarah

Kertas 1

September

1 Jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN MELAKA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
TINGKATAN LIMA
2011**

MATA PELAJARAN

SEJARAH (Set 1)

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

Kertas JAWAPAN ini mengandungi 2 halaman bercetak

SEJARAH KERTAS 1 (SPM)


No Soalan	Jawapan	Tingkatan	Bab	Helaian Buku Teks
1	D	4	1	ms 15
2	D	4	1	ms 21
3	C	4	2	ms 54
4	D	4	2	ms 58
5	D	4	3	ms 76
6	A	4	3	ms 79
7	A	4	4	ms 101
8	C	4	4	ms 102
9	A	4	5	ms 118
10	B	4	5	ms 126
11	A	4	6	ms 162
12	B	4	6	ms 163
13	C	4	7	ms 180
14	B	4	7	ms 183
15	B	4	8	ms 197
16	C	4	8	ms 201
17	B	4	9	ms 216
18	B	4	9	ms 220
19	A	4	10	ms 246
20	D	4	10	ms 260
21	B	5	1	ms 5
22	C	5	1	ms 9
23	A	5	1	ms16
24	D	5	2	ms 40
25	A	5	2	ms 49
26	B	5	2	ms 56-57
27	C	5	3	ms 67
28	D	5	3	ms 80/84
29	A	5	4	ms 98
30	D	5	4	ms 110-111
31	B	5	5	ms 120-121
32	C	5	5	ms 130
33	A	5	6	ms 140
34	D	5	6	ms150
35	B	5	7	ms 164
36	C	5	7	ms 172
37	A	5	8	ms 198
38	D	5	8	ms 216
39	C	5	9	ms 238
40	B	5	9	ms 263

SULIT

1249/1

- 1 Antara berikut yang manakah sumbangan Tamadun Mesopotamia kepada perkembangan peradaban manusia?
- A Memperkenal penggunaan kertas
 - B Membina bandar terancang
 - C Mencipta alatan pertanian
 - D Mengkatalog ubat-ubatan
- 2 Imhotep merupakan penasihat penting kepada Firaun Djoser dalam kerajaan Mesir. Apakah sumbangan beliau?
- A Memperkenal kalendar
 - B Membina sistem pengairan
 - C Merangka pembinaan bandar baru
 - D Membina bangunan menggunakan bata
- 3 Apakah kaedah pembelajaran yang digunakan semasa mempelajari kitab-kitab Veda dalam sistem pendidikan Tamadun India ?
- A Membaca
 - B Menulis
 - C Menghafal
 - D Mengkaji

- 4 Mengapakah konsep berikut amat berpengaruh dalam kehidupan tamadun manusia?



- A Melindungi roh si mati
- B Menentukan nasib pemerintah
- C Meramal berlakunya bencana alam
- D Mengimbangi kesihatan dalam kehidupan

SULIT

1249/1

5 Apakah faktor yang membawa kepada perubahan Funan daripada kerajaan agraria kepada kerajaan maritim?

- A Kekayaan hasil bumi
- B Peningkatan hasil tempatan
- C Pengiktirafan kerajaan luar
- D Kedudukan pelabuhan

6 Senarai berikut merupakan gelaran yang diberi kepada Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera.

- Suvarnavdipa
- Suvarnabhumi
- Golden Khersonese

Mengapakah gelaran tersebut diberikan?

- A Kekayaan hasil logam
- B Keluasan tanah jajahan
- C Kewibawaan pemerintah
- D Kepesatan perdagangan

7 Dialog berikut mungkin berlaku pada zaman Jahiliah.

Qasim : Isteri anda baru melahirkan seorang bayi perempuan.
Zubir : Ini berita buruk bagi keluarga saya.

Apakah tindakan yang mungkin dilakukan oleh Zubir terhadap bayi tersebut ?

- A Menanam hidup-hidup
- B Memelihara tanpa kasih sayang
- C Menyerahkan kepada keluarga angkat
- D Membiarkan di kawasan padang pasir

SULIT

1249/1

- 8 Maklumat berikut merujuk kepada peperangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Arab Jahilliah.

Peperangan al-Basus

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Berpunca daripada perkara kecil• Memakan masa selama 40 tahun |
|--|

Apakah yang dapat anda kaitkan daripada peristiwa tersebut?

- A Kemosotan kuasa pemimpin
B Persaingan dalam aktiviti perdagangan
C Memiliki semangat kesukuan menebal
D Perebutan kuasa untuk mentadbir wilayah
- 9 Mengapakah penduduk Madinah menjemput Nabi Muhammad s.a.w. ke Madinah pada tahun 621 Masihi?
- A Mendamaikan perbalahan masyarakat tempatan
B Meredakan permusuhan mereka dengan Quraisy
C Mempertahan negara daripada serangan musuh
D Menghapuskan monopoli ekonomi suku Khazraj
- 10 Piagam Madinah turut mengakui kedudukan orang Yahudi sebagai rakyat Madinah .
Apakah tanggungjawab mereka kepada kerajaan ?
- A Mengetuai utusan
B Mempertahan negara
C Memelihara adat tradisi
D Membantu pentadbiran wilayah
- 11 Apakah faktor kejayaan kerajaan Turki Uthmaniah meluaskan syiar Islam ke serata Eropah ?
- A Memiliki semangat ghazi
B Mengenakan cukai rendah
C Melindungi golongan hamba
D Mengahwini penduduk tempatan

SULIT

1249/1

- 12 Perkembangan Islam di rantau Balkan banyak didorong oleh sikap toleransi dan asimilasi ajaran Islam terhadap orang Kristian. Proses ini dilaksanakan oleh

A ahli falsafah
B golongan Sufi
C kumpulan Janissari
D masyarakat tempatan

- 13 Maklumat berikut merujuk kepada cara penyebaran Islam di Asia Tenggara.

Perkahwinan Siasah

Perkahwinan tersebut melibatkan

A rakyat biasa
B pedagang Islam
C kerabat diraja
D golongan ulama

- 14 Apakah kandungan kitab al-Dur al-Manzum yang dikarang oleh Abu Ishaq?

A Perundangan Islam
B Sifat-sifat Allah
C Ilmu fekah
D Soal akhirat

- 15 Mengapakah penggaluran nasab keturunan sultan selepas kedatangan Islam dikaitkan dengan Iskandar Zulkarnain?

A Menstabilkan politik
B Meningkatkan kedudukan raja
C Memantapkan pertahanan negara
D Mengukuhkan hubungan diplomatik

SULIT

1249/1

16 Bagaimanakah kanak-kanak masyarakat Melayu tradisional mempelajari amalan berikut?

Pantang larang Adat resam

- I Melalui pendakwah
- II Melalui pemerhatian
- III Melalui ibu bapa
- IV Melalui pendidik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Apakah persamaan ciri dalam sistem feudal di Eropah dengan sistem feudal di negara kita?

- A Rakyat memilih pemimpin
- B Raja memiliki tanah secara mutlak
- C Golongan agama menguasai pentadbiran
- D Pembesar berkuasa menjatuhkan hukuman mati

18 Maklumat berikut berkaitan dengan tokoh gerakan Reformation di Eropah.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Martin Luther• John Calvin• Huldreich Zwingli |
|---|

Apakah perjuangan mereka?

- A Mempersoal kedudukan bangsawan
- B Menentang penyelewengan gereja
- C Menekankan persamaan taraf
- D Menentang kuasa mutlak raja

SULIT

1249/1

- 19 Maklumat berikut merujuk kepada pembesar-pembesar di negeri Melayu.

Pembesar	Negeri
Long Jaafar	Perak
Raja Jumaat	Selangor
Datuk Muda Linggi	Negeri Sembilan

Apakah persamaan peranan pembesar tersebut ?

- A Mengusahakan lombong bijih timah
B Membawa masuk imigran asing
C Memperkenalkan sistem kangcu
D Menjalankan pertanian komersial
- 20 Maklumat berikut merupakan akta yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 25 November 1913.

Akta Tanah Simpanan Melayu

Apakah tujuan akta tersebut diperkenalkan ?

- A Membolehkan petani Melayu menanam tanaman komersial
B Memastikan tanah pusaka Melayu dibahagi secara saksama
C Melindungi masyarakat Melayu daripada penindasan orang tengah
D Menggelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada orang asing
- 21 Mengapakah negara berikut menjadi sasaran imperialisme Barat?

- China
- India

- A Lokasi strategik
B Pasaran luas
C Politik stabil
D Tanah subur

SULIT

1249/1

22 Mengapakah Sarekat Islam mendesak Belanda menubuhkan Volksraad?

- A Mengawasi perjalanan jabatan kerajaan
- B Memajukan pendidikan penduduk tempatan
- C Merupakan langkah ke arah kemerdekaan
- D Menjadi penasihat dalam pentadbiran


23 Dialog berikut mungkin berlaku semasa penjajahan Belanda di Indonesia

Pegawai Belanda 1 : Anak golongan priyayi hendaklah diberi pendidikan yang tersendiri
Pegawai Belanda 2 : Ya, kita mesti mengasingkan mereka daripada anak orang kebanyakan

Mengapakah penjajah berbuat demikian?

- A Menghalang perpaduan penduduk
- B Melahirkan pegawai kerajaan
- C Menjamin kedudukan pembesar
- D Mendapatkan sokongan bangsawan

24 Maklumat berikut menunjukkan siri penentangan Dato' Bahaman di Pahang



Mengapakah beliau melakukan penentangan tersebut?

- A Dianggap sebagai lanun
- B Amalan perhambaan dihapuskan
- C British memungkirinya fungsinya sebagai penasihat
- D Undang-undang British bertentangan dengan adat resam

SULIT

1249/1

25 Apakah matlamat perjuangan Gerakan Islah di Tanah Melayu?

- A Membetulkan pandangan terhadap Islam
- B Melaksanakan perundangan Islam
- C Menyekat kemasukan orang dagang
- D Menghapuskan pengaruh golongan radikal

26 Apakah implikasi kongres berikut terhadap orang Melayu?

Kongres Melayu pada tahun 1939 dan 1940

- A Peningkatan dalam pendidikan
- B Perasaan kenegerian diatasi
- C Penubuhan parti politik
- D Penglibatan dalam pentadbiran

27 Konsep bangsa Malaysia merupakan konsep baru bagi rakyat negara ini. Bagaimanakah bangsa Malaysia dibentuk?

- I Mewajibkan pembelajaran di sekolah kebangsaan
 - II Melalui pengalaman kebudayaan kebangsaan
 - III Melalui penggunaan satu bahasa kebangsaan
 - IV Menganjurkan persidangan kebangsaan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT

1249/1

- 28 Maklumat berikut merupakan perlembagaan bertulis yang wujud di Tanah Melayu

Perkara
Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor
Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu

Apakah kepentingan perlembagaan tersebut?

- A Menjamin kemajuan ekonomi negara
B Meneruskan pemerintahan monarki
C Membentuk masyarakat bersatu
D Menghalang perluasan kuasa asing
- 29 Mengapakah Sultan Selangor menandatangani perjanjian Malayan Union pada tahun 1946?
- A Dasar setia kawan
B Ditawar ganjaran lumayan
C Kebimbangan dilucut takhta
D Kesuntukan masa untuk berunding
- 30 Apakah persamaan peranan kedua-dua pertubuhan berikut?

- Barisan Pemuda Sarawak
- Persatuan Dayak Sarawak

- A Merancang pembunuhan gabenor Sarawak
B Mengguling pemerintahan Brooke
C Menubuhkan Rukun Tiga Belas
D Menentang penyerahan Sarawak
- 31 Mengapakah Dato' Onn Ja'afar menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP)?
- A Merangka perlembagaan negara
B Mewujudkan perpaduan rakyat
C Mengembalikan hak peribumi
D Mendapatkan sokongan luar

SULIT

1249/1

- 32 Apakah kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada penduduk tempatan?
- A Menguasai sumber ekonomi tempatan
 - B Menyekat penyebaran ideologi komunis
 - C Memperoleh hak mutlak pentadbiran
 - D Mengurangkan pengaruh imigran

- 33 Monolog berikut mungkin diungkapkan oleh pemimpin negara apabila Singapura menyertai Malaysia

Tunku Abdul Rahman: Kemasukan Singapura ke dalam Malaysia akan menimbulkan masalah ketidakseimbangan kaum

Bagaimanakah masalah tersebut dapat diatasi?

- A Menggabungkan Sarawak, Sabah dan Brunei dengan Malaysia
 - B Menyekat kemasukan orang dagang ke Malaysia
 - C Mengetatkan syarat kerakyatan Malaysia
 - D Menggubal perlembagaan Malaysia
- 34 Maklumat berikut merupakan ahli Suruhanjaya Cobbold

- Sir Anthony Abell
- Lord Cobbold

Apakah peranan mereka?

- A Menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- B Melatih penduduk tempatan mentadbir Tanah Melayu
- C Menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia
- D Meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak tentang penubuhan Malaysia


SULIT

1249/1

35 Apakah perkara yang membolehkan kerakyatan seseorang dilucutkan?

- A Tidak mengamalkan Rukun Negara
- B Mempunyai kerakyatan negara lain
- C Melanggar undang-undang negara
- D Tidak memartabatkan Bahasa Melayu

36 Maklumat berikut menerangkan Badan Perundangan di Malaysia



Apakah X?

- A Dewan Undangan Negeri
- B Dewan Negara
- C Dewan Rakyat
- D Dewan Perundangan

37 Apakah matlamat penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956?

- A Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
- B Membantu memasarkan hasil pertanian
- C Memajukan industri kecil dan sederhana
- D Menyusun semula masyarakat mengikut kaum

38 Apakah matlamat penubuhan universiti berikut?

Penubuhan	Tahun
Universiti Kebangsaan Malaysia	1977

- A Memupuk jati diri orang Melayu
- B Memperkukuh perpaduan nasional
- C Melaksanakan dasar kebudayaan kebangsaan
- D Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu

SULIT

1249/1

- 39 Mengapakah Malaysia menjalin hubungan yang erat dengan Amerika Syarikat pada peringkat awal kemerdekaan negara?
- A Memperkukuh pertahanan
 - B Memperoleh bahan mentah
 - C Memerlukan pasaran luas
 - D Memantapkan pendidikan
- 40 Antara berikut, manakah antara langkah kerajaan untuk mencapai matlamat k-masyarakat?
- I Mengubahsuai kurikulum
 - II Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - III Melengkapkan kemudahan asas
 - IV Menubuhkan sekolah wawasan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT


1249/1

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

- 1 Peta berikut menunjukkan lokasi tamadun Indus yang terbentuk pada tahun 2500 S.M.



- (a) Berikan nama **dua** buah bandar terancang dalam tamadun di atas.

(i)

(ii) [2 markah]

- (b) Beri **dua** kegiatan ekonomi masyarakat Indus.

(i)

(ii) [2 markah]

(c) Nyatakan **dua** ciri bandar terancang dalam tamadun Indus.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan sumbangan tamadun Indus kepada perkembangan tamadun manusia.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Berdasarkan pemerhatian anda, adakah bandar tempat tinggal anda merupakan bandar terancang?
Berikan alasan-alasan anda.

(i)

(ii)

[2 markah]

2

Zaman kegemilangan kerajaan Abbasiyah ialah pada abad ke-9 masihi telah menjadikan kota Baghdad pusat intelektual dan penyebaran ilmu terutama dalam bidang penterjemahan dan penulisan.

- (a) Namakan khalifah yang memerintah kerajaan Abbasiyah pada masa itu.

.....
[1 markah]

- (b) Baitulhikmah sebuah institusi keilmuan yang penting pada zaman kegemilangan kerajaan Bani Abbasiyah.
Jelaskan **dua** peranan utama institusi tersebut.

(i)
(ii)
[2 markah]

- (c) Penterjemah pada zaman Kerajaan Abbasiyah memerlukan kemahiran berbahasa asing.
Pada pandangan anda, mengapakah kemahiran tersebut penting?

(i)
(ii)
(iii)
[3 markah]


- (d) Bagaimakah kegiatan penulisan pada zaman itu dilakukan?

.....
[1 markah]

- (e) Pada pendapat anda, bagaimanakah Malaysia boleh muncul sebagai pusat keilmuan?

(i)
(ii)
(iii)
[3 markah]

3 Berikut adalah sebuah pergerakan yang ada di Tanah Melayu.



(a) Namakan **dua** tokoh gerakan di atas.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Berikan **dua** akhbar dan majalah yang digunakan dalam gerakan tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Apakah idea-idea yang diperjuangkan oleh gerakan itu?

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Nyatakan halangan-halangan yang dihadapi oleh Kaum Muda dalam perjuangan mereka.

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pendapat anda, mengapakah idea Kaum Muda mudah diterima oleh masyarakat Malaysia masa kini?

(i)

(ii)

[2 markah]

4 Maklumat berikut adalah langkah ke arah perpaduan kaum di Malaysia.

- Akta Bahasa Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Sukan untuk Perpaduan

(a) Berikan **tiga** langkah kerajaan untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

(i)

(ii)

(iii) [3 markah]

(b) Nyatakan **dua** kepentingan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

(i)

(ii) [2 markah]

(c) Apakah prinsip utama yang perlu ada dalam pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

..... [1 markah]

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah aktiviti sukan dapat digunakan untuk memupuk perpaduan kaum?

(i)

(ii) [2 markah]

(e) Jika anda dilantik menjadi ketua kampung di tempat anda, apakah program yang akan anda jalankan untuk mengeratkan hubungan sesama anggota masyarakat?

(i)

(ii) [2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian B

[60 markah]


Jawab **tiga** soalan sahaja

5

British telah memperkenalkan undang-undang pemilikan tanah di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

- (a) Mengapakah British memperkenalkan undang-undang pemilikan tanah tersebut?
[8 markah]
- (b) Terangkan dasar British terhadap pekebun kecil?
[6 markah]
- (c) Menurut pandangan anda, apakah yang akan berlaku sekiranya undang-undang berkaitan tanah tidak diperkenalkan oleh kerajaan?
[6 markah]
- 6 Penjajah British telah membawa masuk buruh asing secara beramai-ramai pada awal abad ke-20.
- (a) Apakah faktor-faktor yang mendorong buruh dari China dan India ke Tanah Melayu?
[5 markah]
- (b) Terangkan cara kemasukan buruh dari China dan India ke Tanah Melayu.
[10 markah]
- (c) Kemasukan imigran Cina dan India telah mewujudkan masyarakat berbilang kaum di Malaysia hari ini.
Cadangkan lima cara perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dapat dipupuk.
[5 markah]

- 7 Rajah di bawah berkaitan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.



- (a) Terangkan ciri-ciri gerakan nasionalisme berikut:
- (i) Tahap Pertama [4 markah]
 - (ii) Tahap Kedua [4 markah]
- (b) Huraikan perkembangan gerakan nasionalisme di Thailand. [8 markah]
- (c) Anda adalah pengerusi Persatuan Sejarah di sekolah anda, cadangkan aktiviti yang boleh mengukuhkan sistem pemerintahan beraja di negara kita. [4 markah]

8

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

- (a) Nyatakan isi perjanjian di atas. [6 markah]
- (b) Apakah kepentingan perjanjian tersebut? [8 markah]
- (c) Sebagai warganegara Malaysia, bagaimanakah anda dapat mengisi kemerdekaan negara kita? [6 markah]

- 9 (a) Huraikan faktor berlakunya Perang Dunia Pertama. [8 markah]
- (b) Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah generasi muda Malaysia hari ini dapat memanfaatkan keamanan negara? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

Soalan	Butiran	Markah
1 (a)	F1 Mahenjo-Daro	1
	F2 Harappa	1
	F3 Lothal	1
	F4 Sutkagen Dor	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
1 (b)	F1 Perdagangan	1
	F2 Pertanian / bercucuk tanam	1
	F3 Pertukangan	1
	F4 Pembuatan	1
	F5 Menghasilkan barang logam	1
	F6 Menghasilkan tembikar	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
1 (c)	F1 Bandar terbahagi kepada dua bahagian	1
	F2 Dikelilingi tembok	1
	F3 Bahagian pertama merupakan pusat pentadbiran dan keagamaan	1
	F4 Menempatkan bangunan pentadbiran dan tempat mandi awam untuk upacara ritual dan pembersihan	1
	F5 Mempunyai tempat penyimpanan hasil pertanian	1
	F6 Bahagian kedua ialah kawasan perumahan	1
	F7 Susun atur bandar sistematik	1
	F8 Perancangan bandar dibantu kemajuan ilmu geometri/pembinaan/sumbangan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba	1
	F9 Disusun berasaskan blok- blok berbentuk segi empat	1
	F10 Setiap blok dipisahkan oleh satu rangkaian jalan raya yang lurus	1
	F11 Jalan raya bersambung antara satu sama lain	1
	F12 Sistem kumbahan yang terancang	1
	F13 Bandar-bandar dihubungkan dengan sungai	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
1 (d)	F1 Mengeksploitasi kelebihan yang dimiliki	1
	F2 Mengeksploitasi Sungai Indus untuk memajukan kehidupan seharian	1
	F3 Perancangan bandar / Mohenjo-Daro / Harappa	1
	F4 Sumbangan ilmu geometri/ kesenian / matematik / pembinaan	1
	F5 Perancangan bandar disusun berasaskan bentuk segi empat	1
	F6 Yang mempunyai rangkaian jalan raya yang lurus	1
	F7 Teknologi pembakaran batu bata	1
	F8 Sikap keterbukaan	1
	F9 Hubungan dengan tamadun lain / Mesopotamia / Mesir Purba	1
	F10 Agama Hindu	1
	F11 Tugasan piktograf	1
	F12 Cap mohor	1

Soalan	Butiran	Markah
1 (e)	F13 Ilmu pengetahuan	1
	F14 Arca	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
	Ya:	
	F1 Ada jalan raya	1
	F2 Petempatan tersusun, berjajar	1
	F3 Sistem pembentungan	1
	F4 Kewujudan majlis perbandaran	1
	F5 Bangunan tersusun	1
	F6 Aktiviti pembinaan dikawal selia oleh kerajaan	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	Tidak:	
	F1 Petempatan berselerak	1
	F2 Tiada jalan raya	1
	F3 Kemudahan infrastruktur tidak teratur	1
	F4 Ketiadaan badan pengawal selia petempatan	1
	F5 Petempatan sering dilanda bencana	1
	(Mana-mana yang munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]

Soalan	Butiran		Markah
2 (a)	F1	Khalifah Harun al-Rasyid	1
	F2	Khalifah al-Makmun	1
		[Mana-mana 1 x 1 m]	[1m]
2 (b)	F1	Sebuah institusi keilmuan	1
	F2	Melalui penulisan/terjemahan	1
	F3	Penterjemahan karya falsafah	1
	F4	Penterjemahan karya sains	1
	F5	Tumpuan terjemahan daripada bahasa Yunani	1
	F6	Aktiviti penterjemahan mencapai kemuncaknya	1
	F7	Penterjemahan yang lebih sistematik	1
	F8	Penterjemah bekerja secara berkumpulan	1
	F9	Diawasi oleh seorang penyelaras	1
		[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
2 (c)	F1	Dapat menambah ilmu	1
	F2	Dapat berkomunikasi	1
	F3	Dapat mewujudkan perpaduan	1
	F4	Menambah maklumat daripada pelbagai tamadun	1
	F5	Membina kekuatan tamadun sendiri	1
	F6	Hubungan diplomatik	1
		(Mana-mana jawapan yang munasabah)	
		[Mana-mana 3 x 1 m]	[3m]
2 (d)	F1	Mencatatkan segala idea	1
	F2	Percakapan	1
	F3	Mengumpulkan idea yang serupa	1
	F4	Mengumpulkan hadis Nabi Muhammad s.a.w ke dalam sebuah buku	1
	F5	Mengarang	1
	F6	Segala yang dicatat diatur ke dalam bahagian dan bab tertentu/ berbeza antara satu sama lain	1
		[Mana-mana 1 x 1 m]	[1m]
2 (e)	F1	Mencapai kualiti pendidikan setanding negara maju	1
	F2	Menganjurkan banyak seminar/konvensyen berkaitan ilmu bertaraf antara bangsa	1
	F3	Memajukan prasarana pendidikan bertaraf dunia	1
	F4	Meningkatkan jumlah pelajar luar negara/antara bangsa menuntut di IPT negara	1
	F5	Melahirkan ramai tokoh pemikir/cendekiawan/intelektual dalam pelbagai bidang ilmu	1
	F6	Memajukan kegiatan penyelidikan/R&D	1
	F7	Menggalakkan kegiatan penulisan	1
	F8	Menggalakkan kegiatan penterjemahan	1

	(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3m]
--	-------------------------------	---------------------	------

Soalan	Butiran	Markah
3 (a)	F1 Sheikh Tahir Jalaludin	1
	F2 Syed Sheikh al-Hadi	1
	F3 Dr. Burhanuddin al-Helmy	1
	F4 Mohd Yunus Abdul Hamid	1
	F5 Haji Abbas b. Mohd Taha	1
	F6 Sheikh Mohd Salim al-Kalili	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
3 (b)	F1 Al-Imam	1
	F2 Neracha	1
	F3 Idaran Zaman	1
	F4 Pengasuh	1
	F5 Al-Ikhwan	1
	F6 Saudara	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
3 (c)	F1 Menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia/kembali kepada ajaran Islam sebenar	1
	F2 Gesaan memajukan pendidikan/ekonomi/politik/dan sosial orang Melayu	1
	F3 Menyemai sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Melayu	1
	F4 Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak memajukan orang Melayu	1
	F5 Mencetuskan idea penubuhan madrasah	1
	F6 Mencadangkan pendidikan untuk wanita	1
	F7 Menggesa pendidikan Islam meliputi pendidikan dunia dan akhirat	1
	F8 Menitikberatkan pengetahuan sejarah kerana banyak iktibar boleh dipelajari	1
	F9 Mengetepikan adat resam dan kepercayaan karut yang boleh menghalang kemajuan	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]

Soalan	Butiran	Markah
3 (d)	F1 Tentang oleh Kaum Tua/golongan alim ulama	1
	F2 Amat sukar mempengaruhi masyarakat Melayu	1
	F3 Undang-undang yang dikeluarkan oleh Negeri-Negeri Melayu bagi menghalang pengaruh Kaum Muda	1
	F4 Kaum Muda sukar bergerak di Negeri-Negeri Melayu	1
	F5 Tidak membenarkan sebarang kegiatan dakwah Islam dilakukan tanpa kebenaran sultan	1
	F6 Menghalang risalah dan buku Kaum Muda di bawa masuk ke Negeri-Negeri Melayu	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
3 (e)	F1 Mengamalkan Islam sebenar iaitu kemajuan lahiriah dan jasmaniah	1
	F2 Memajukan ekonomi sehingga menjadi negara maju	1
	F3 Memajukan pendidikan dengan penubuhan banyak universiti	1
	F4 Memajukan politik sehingga negara menjadi stabil dan aman	1
	F5 Kadar kemiskinan dapat dikurangkan	1
	F6 Pengangguran dapat diatasi	1
	F7 Negara Malaysia kekal merdeka	1
	F8 Institusi raja dikukuhkan dengan konsep raja berperlembagaan	1
	F9 Pendemokrasian pendidikan/sekolah kluster/sekolah berprestasi tinggi/sekolah agama	1
	F10 Memupuk perpaduan	1
	F11 Menepati konsep 1 Malaysia (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]

Soalan	Butiran	Markah
4 (a)	F1 Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	1
	F2 Pelancaran “Minggu Bahasa”/”Bulan Bahasa”	1
	F3 Melancarkan slogan “Bahasa Jiwa Bangsa”	1
	F4 Penubuhan sekolah menengah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar seperti Sekolah Alam Shah/Sekolah Seri Puteri/Sekolah Sultan Abdul Halim	1
	F5 Meluluskan Akta Bahasa Kebangsaan	1
	F6 Bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris ditukar kepada bahasa kebangsaan secara berperingkat-peringkat	1
	F7 Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia	1
	F8 Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah	1
	F9 Bahasa Melayu digunakan di mahkamah	1
	[Mana-mana 3 x 1 m]	[3m]
4 (b)	F1 Menjadi panduan membentuk/mengekalkan identiti negara	1
	F2 Mengukuhkan perpaduan	1
	F3 Memupuk/memelihara keperibadian kebangsaan	1
	F4 Memperkaya kualiti kehidupan	1
	F5 Memperkaya aspek kemanusiaan	1
	F6 Memperkaya aspek kerohanian	1
	F7 Memperkaya aspek pembangunan sosioekonomi	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]
4 (c)	F1 Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang	1
	F2 Unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima	1
	F3 Islam sebagai unsur terpenting	1
	[Mana-mana 1 x 1 m]	[1m]
4 (d)	F1 Aktiviti sukan tanpa mengira ideologi	1
	F2 Aktiviti sukan dapat menyemarakkan semangat patriotik rakyat	1
	F3 Aktiviti sukan tidak menghadkan penyertaan kepada sesuatu kaum sahaja	1
	F4 Aktiviti sukan terbuka kepada sesiapa yang beminat	1
	F5 Aktiviti sukan sebagai kokurikulum di sekolah	1
	F6 Tubuhkan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah untuk menggalakkan sukan	1
	F7 Menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA)	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]

Soalan	Butiran	Markah
4 (e)	F1 Pembangunan negara berjalan lancar	1
	F2 Mengelakkan negara menjadi huru-hara dan kacau bilau	1
	F3 Menjamin hak rakyat untuk bergerak bebas/hidup aman	1
	F4 Mencapai Wawasan 2020	1
	F5 Menjadi negara berpendapatan tinggi	1
	F6 Masyarakat hidup berharmoni	1
	F7 Tidak timbul prasangka/curiga mencurigai (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 2 x 1 m]	[2m]

Soalan	Butiran	Markah
5 (a)	F1 Untuk meneruskan penguasaan penjajah British terhadap ekonomi	1
	F2 Melindungi orang Melayu	1
	F3 Mengelak tanah milik orang Melayu dicero bohi	1
	F4 Sistem pemilikan tanah orang Melayu tidak sesuai dengan sistem tanah di Barat	1
	F5 Sistem pemilikan tanah orang Melayu tidak memiliki rekod	1
	F6 Tidak ada catatan yang sempurna untuk dijadikan bukti pemilikan	1
	F7 Bagi British rekod bertulis adalah penting bagi menjamin dan mengesahkan hak pemilikan tanah	1
	F8 Memudahkan segala urusan pentadbiran	1
	F9 Memudahkan urusan cukai	1
	F10 Memudahkan urus niaga terhadap tanah	1
	F11 Memudahkan pajakan	1
	F12 Memudahkan sewa beli	1
	F13 Memudahkan urusan penjualan	1
	F14 Memudahkan urusan pembelian	1
	F15 Tanah boleh dijadikan cagaran untuk mendapatkan modal	1
	F16 Memudahkan kerja pentadbiran tanah	1
	F17 Memudahkan pembangunan ekonomi	1
	F18 Menjamin kelangsungan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu	1
	F19 Mengelakkan tanah milik orang Melayu berpindah kepada orang asing	1
	F20 Menjadikan tanah milik orang Melayu sebagai Tanah Simpanan Melayu (TSM)	1
	F21 Menyelamatkan tanah daripada dijual	1
	F22 Menyelamatkan tanah daripada dipajak gadaikan/ditukar milik	1
	F23 Melindungi kepentingan ekonomi kerajaan penjajah	1
	F24 Di Sarawak bagi melindungi hak milik tanah masyarakat peribumi dan milik komuniti daripada dicero boh pengusaha dari China untuk tujuan pertanian	1
	F25 Golongan imigran hanya berhak ke atas tanah campuran sahaja	1
	F26 Kepentingan hak milik tanah peribumi di bawah kuasa Pegawai Daerah	1
	F27 Urus niaga tanah dengan orang Eropah perlu dimaklumkan kepada ketua peribumi	1
	F28 Penduduk peribumi berhak menuntut ganti rugi terhadap tanah yang dijual kepada orang asing	1
[Mana-mana 8 x 1 m]		[8m]

Soalan	Butiran	Markah
5 (b)	F1 Memperkenalkan Enakmen Tanah Padi 1917	1
	H1a Melarang penanaman getah di kawasan penanaman padi	1
	H1b Mengurangkan jumlah penyertaan pekebun kecil getah	1
	H1c Premium permohonan tanah baru untuk penanaman getah dinaikkan	1
	F2 Larangan pembukaan tanah baru untuk penanaman getah	1
	H2a Peringkat awal penglibatan orang Melayu dalam penanaman getah secara kecil-kecilan	1
	H2b Tidak menimbulkan sebarang kebimbangan di kalangan pengusaha Eropah dan kerajaan British	1
	H2c Sentimen ini berubah apabila berlaku kemerosotan harga getah di pasaran dunia	1
	F3 Memperkenalkan Rancangan Sekatan Stevenson 1922	1
	H3a British mengamalkan dasar memberikan perlindungan kepada pemodal dan pengusaha ladang dari Eropah	1
	H3b Menghadkan pengeluaran getah oleh negara pengeluar	1
	F4 Pelaksanaan Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa tahun 1934	1
	H4a Pekebun kecil diberi kuota yang lebih rendah	1
	H4b Pekebun kecil getah ditekan kerana dianggap sebagai ancaman kepada pengusaha ladang	1
	F5 British juga mengambil tindakan meningkatkan harga getah di pasaran	1
	H5a Tindakan ini memberikan kesan negatif kepada pekebun kecil getah	1
	H5b Ia juga mendatangkan keuntungan atau pulangan lebih baik daripada usaha menanam padi	1
	H5c Rakyat tempatan tidak berminat mengerjakan sawah atau bendang	1
	H5d Tanah Melayu terpaksa bergantung kepada pengimportan beras dari luar negara	1
	C5a Seperti Thailand, indo-China dan Myanmar	1
	H5e Pekebun kecil tidak dibenarkan menanam getah di tanah sawah	1
	F6 British menubuhkan Jabatan Parit dan Tali Air	1
	H6a Bagi memperbaiki sistem perparitan	1
	H6b Tali air membantu kegiatan penanaman padi	1
	F7 British memperkenalkan skim perladangan	1
	H7a Menggalakkan pelaburan Eropah	1
	H7b Meminggirkan golongan pekebun kecil	1
	H7c Insentif kewangan dan bantuan teknikal tidak pernah diberikan kepada pekebun kecil daripada orang Melayu	1
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]

Soalan	Butiran	Markah
5 (c)	F1 Banyak tanah kerajaan akan dicero boh	1
	F2 Banyak petempatan haram	1
	F3 Pemilikan tanah tidak seimbang antara rakyat	1
	F4 Penebangan hutan berleluasa	1
	F5 Tanah-tanah pertanian dijadikan kawasan petempatan	1
	F6 Berlaku perebutan pemilikan tanah antara rakyat	1
	F7 Tanah tinggi atau bukit akan diratakan untuk perumahan	1
	F8 Jual beli tanah berleluasa tanpa had dan sekatan (mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]

Soalan	Butiran	Markah
6 (a)	F1 Kepesatan pembangunan sektor pertanian	1
	F2 Kekurangan tenaga buruh tempatan	1
	F3 Faktor penolak mereka meninggalkan tanah air	1
	F4 Galakan kerajaan kolonial British	1
	F5 Penghijrahan mereka tidak ditentang oleh masyarakat Melayu	1
	F6 Wujud hubungan tradisi antara India dengan Tanah Melayu	1
	F7 Kemakmuran di Tanah Melayu	1
	F8 Banyak peluang pekerjaan	1
	F9 Kestabilan politik di Tanah Melayu	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5m]
6 (b)	Kemasukan buruh dari China	
	F1 Sistem tiket kredit	1
	H1a kkeh-tau (ketua) mengumpulkan bakal-bakal imigran dari kampung	1
	H1b kkeh-tau dibayar sejumlah wang bagi setiap imigran yang dibawa	1
	H1c bakal imigran dikenali sebagai sin kkeh	1
	H1d mereka diletakkan di bawah pengawasan nakhoda kapal atau agensi buruh	1
	H1e nakhoda kapal/ agensi buruh telah menerima bayaran daripada bakal majikan	1
	H1f sin kkeh perlu membuat perjanjian untuk menjelaskan hutang	1
	H1g mereka perlu bekerja untuk majikan dalam suatu tempoh masa yang tertentu	1
	H1h dibekalkan tiket yang menunjukkan pelabuhan yang akan dituju	1
	H1i pemborong buruh bertindak sebagai orang tengah yang akan mendapatkan majikan untuk mereka	1
	F2 Sistem pengambilan kakitangan	1
	H2a majikan akan menghantar pegawainya ke China untuk mendapatkan tenaga buruh	1
	H2b tambang dan perbelanjaan buruh akan dibiayai oleh majikan	1
	H2c pegawai yang dihantar bertanggungjawab untuk mengiringi buruh-buruh tersebut hingga mereka sampai ke tempat majikan	1
	F3 Sistem pengambilan rumah kongsi	1
	H3a pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di negara China yang dilantik oleh sesebuah rumah kongsi	1
	H3b pegawai akan membiayai segala perbelanjaan buruh sehingga mereka sehingga mereka tiba di rumah kongsi di Tanah Melayu	1
	H3c setelah diserahkan kepada rumah kongsi, pembawa buruh akan dibayar dengan kadar tertentu yang telah dipersetujui	1

Soalan	Butiran	Markah
	Kemasukan buruh dari India	
	F4 Sistem buruh bebas / merdeka	1
	H4a buruh India datang ke Tanah Melayu dengan biayai sendiri	1
	H4b Kedatangan mereka diatitkan oleh orang atau kumpulan tertentu kerana kepentingan ekonomi	1
	H4c mereka bebas memilih tempat dan pekerjaan	1
	F5 Sistem kontrak	1
	H5a majikan akan membiayai tambang	1
	H5b buruh akan bekerja dengannya untuk jangka masa tertentu	1
	H5c mendapat bayaran paling minimum antara 9 hingga 13 sen sehari	1
	F6 Sistem kangani	1
	H6a ketua / tandil/ mandur diberi lesen oleh majikan dan dihantar pulang ke India untuk mencari tenaga buruh	1
	H6b kangani diberi wang pendahuluan untuk membiayai perbelanjaan buruh	1
	H6c kangani bertindak seolah-olah pengurus agensi yang membawa masuk pekerja asing	1
	[Mana-mana 10 x 1 m]	[10m]
6 (c)	F1 Sukatan pelajaran sekolah yang	1
	F2 Penubuhan sekolah wawasan	1
	F3 Sekolah satu aliran / aliran kebangsaan	1
	F4 Pengamalan kebudayaan	1
	F5 Amalan budaya dan agama yang berbeza dihormati	1
	F6 Menggalakkan budaya rumah terbuka / perayaan raya bersama	1
	F7 One Malaysia	1
	F8 Sukan untuk semua	1
	F9 Program Latihan Khidmat Negara / PLKN	1
	F10 Amalan gotong-royong dan Rukun Tetangga	1
	F11 Melalui subjek Sejarah / Pendidikan Moral / Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan	1
	F12 Perkahwinan antara kaum digalakkan (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5m]

Soalan	Butiran	Markah
7 (a)	(i) Tahap Pertama F1 Penentangan secara terbuka F2 Bersifat setempat F3 Tidak berorganisasi F4 Isu kebudayaan/agama/hak peribumi F5 Dipimpin oleh golongan pertengahan F6 Golongan berpendidikan Barat dan Asia Barat F7 Menekankan kesedaran politik daripada tindakan politik F8 Menuntut hak mereka dikembalikan F9 Menuntut taraf hidup mereka diperbaiki F10 Tidak meminta kemerdekaan dengan segera [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
	(ii) Tahap Kedua F1 Lebih radikal F2 Berorganisasi F3 Dipimpin oleh golongan berpendidikan F4 Golongan berpengetahuan luas dalam bidang kebudayaan/ilmu pengetahuan Barat F5 Sedar perubahan yang diperkenalkan oleh Barat serta kesannya terhadap bangsa dan negara F6 Matlamat perjuangan lebih jelas F7 Menuntut kemerdekaan F8 Membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat [Mana-mana 4 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [4m]
7 (b)	Tahap Pertama F1 Merupakan kegelisahan rakyat H1a Terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja F2 Perkembangan sistem pendidikan Barat H2a Pendidikan memberi pendedahan terhadap fahaman liberal/demokrasi/ dan sistem raja berperlembagaan H2b Muncul golongan intelektual F3 Kelemahan sistem pentadbiran H3a Sikap boros Raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak berpuas hati F4 Rakyat menubuhkan Parti Rakyat H4a Pimpinan Nai Pridi Panomyong dan Phibul Songram H4b Melancarkan revolusi Thai H4c Menamatkan sistem raja berkuasa mutlak	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
7 (c)	Tahap Kedua	
	F5 Rakyat tidak puas hati terhadap cengkaman ekonomi	1
	H5a Oleh kapitalis Barat dan orang Cina	1
	F6 Perdana Menteri Phibul Songram meluluskan undang-undang	1
	H6a Menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang Cina	1
	H6b Membubarkan sekolah dan akhbar Cina	1
	H6c Menggalakkan peribumi melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi	1
	H6c Mengenakan syarat syarat jawatan tinggi kerajaan hanya untuk penganut Buddha	1
	F7 Pada tahun 1939, Phibul Songram menukar nama Siam kepada Thailand	1
	H7a yang bermaksud Tanah Bebas	1
	F8 Mendapatkan semula wilayah di Indo-China dan Tanah Melayu dengan bekerjasama dengan Jepun dalam Perang Dunia Kedua	1
	[Mana-mana 8 x 1 m]	[8m]
	F1 Menyemai semangat patriotik dalam kalangan pelajar	1
	F2 Menghormati lambang-lambang kebesaran	1
	F3 Menghayati Rukun Negara	1
	F4 Menganjurkan pertandingan bahas/pidato/syarahan/kuiz/melukis berkaitan Yang di Pertuan Agong dan raja	1
	F5 Lawatan ke muzium diraja	1
	F6 Mencari maklumat berkaitan melalui internet	1
	F7 Menghasilkan buku skrap mengenai institusi raja	1
	F8 Menggantung gambar Yang di Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu	1
	F9 Meraikan hari keputeraan sultan	1
	F10 Kembara Tengku Mahkota dibukukan (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 4 x 1 m]	[4m]

Soalan	Butiran	Markah
8 (a)	F1 Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan	1
	F2 Dengan nama Persekutuan Tanah Melayu	1
	F3 Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri	1
	F4 Institusi raja dijadikan Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara	1
	F5 Tiga jenis kerakyatan diwujudkan iaitu secara Kuat Kuasa Undang-undang/Permohonan/Naturalisasi	1
	F6 Kerakyatan terbuka kepada sesiapa yang lahir dalam Persekutuan Tanah Melayu/prinsip <i>jus soli</i>	1
	F7 Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan	1
	F8 Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan	1
	F9 Tanah Simpanan Melayu dikekalkan	1
	F10 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
	F11 Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara	1
	F12 Perdana Menteri sebagai ketua pentadbiran negara dengan dibantu oleh sebuah kabinet	1
	F13 Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen	1
	F14 Pembentukan sebuah Parlimen yang mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara	1
	F15 Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran/ beliau dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO	1
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
8 (b)	F1 Membentuk sebuah kerajaan demokrasi	1
	F2 Membentuk kerajaan berkonsep Raja Berperlembagaan	1
	F3 Mewujudkan perpaduan antara kaum	1
	F4 Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa pertumpahan darah	1
	F5 Menjadi sebuah negara yang bebas merdeka dan berdaulat	1
	F6 Hak mutlak penduduk tempatan mentadbir negara mengikut acuan sendiri	1
	F7 Setiap kaum melahirkan identiti masyarakat yang merdeka tanpa mengira warna kulit, agama, bahasa dan bangsa	1
	F8 Memelihara warisan kaum peribumi	1
	F9 Mengiktiraf hak kaum-kaum lain	1
	F10 Mewujudkan keadilan sosial dalam masyarakat	1
	F11 Memastikan kedudukan agama Islam terpelihara	1
	F12 Memastikan hak keistimewaan orang Melayu terpelihara	1
	F13 Membolehkan semua rakyat menikmati kekayaan negara	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 8 x 1 m]	[8m]

Soalan	Butiran	Markah
8 (c)	F1 Berusaha sehingga mencapai kejayaan	1
	F2 Bertolak ansur dalam politik	1
	F3 Mewujudkan kerjasama	1
	F4 Bermusyawarah untuk mencapai kata sepakat	1
	F5 Sanggup berkorban demi kebaikan bersama	1
	F6 Menjaga kedaulatan negara	1
	F7 Merealisasikan dasar-dasar kerajaan	1
	F8 Menjaga nama baik negara	1
	F9 Mempromosikan Malaysia di luar negara	1
	F10 Menjayakan konsep 1Malaysia	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]

Soalan	Butiran	Markah
9 (a)	F1 Berlaku disebabkan kemunculan nasionalisme di Eropah	1
	H1a Negara-negara kecil di Eropah bersatu membentuk negara bangsa lebih besar	1
	C1a Jerman/Itali	1
	H1b Kuasa besar berlumba-lumba mendapatkan tanah jajahan	1
	C1b Britain/Perancis/Austria-Hungary/Rusia	1
	H1c Kuasa besar sanggup berperang membuktikan kekuasaan masing-masing	1
	H1d Wujud imperialisme baru di Eropah	1
	F2 Wujud pakatan negara-negara Eropah	1
	H2a iaitu Perikatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga	1
	C2a Pakatan Kuasa Tengah terdiri daripada Jerman, Austria-Hungary dan Itali	1
	C2b Pakatan Bertiga terdiri daripada Britain, Perancis dan Rusia	1
	H2b Persaingan antara kedua-dua pakatan mengancam perimbangan kuasa dunia	1
	F3 Persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi	1
	H3a Bersaing membentuk pengaruh masing-masing	1
	H3b Bersaing mendapatkan bahan mentah	1
	H3c Untuk memasarkan barang keluaran mereka	1
	F4 Faktor politik	1
	H4a Archduke Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary dan isteri dibunuh oleh pengganas Serbia	1
	H4b Austria mendapat sokongan Jerman mengisytiharkan perang terhadap Serbia	1
	H4c Serbia disokong oleh Rusia dan Perancis	1
	F5 Serangan Jerman terhadap Perancis	1
	H5a Jerman menyerang Perancis melalui negara berkecuali Belgium menimbulkan kemarahan Britain	1
	H5b Britain meminta bantuan Amerika Syarikat menentang Jerman	1
	H5c Jerman menyerang kapal dagang Amerika Syarikat menyebabkan Amerika turut terlibat dalam perang itu	1
	[Mana-mana 8 x 1 m]	[8m]

Soalan	Butiran	Markah
9 (b)	F1 Politik	1
	F2 Menamatkan pemerintahan beraja di Eropah	1
	F3 Persidangan Damai tahun 1919 membawa kepada termeterainya Perjanjian Versailles	1
	F4 Perjanjian Versailles mengubah peta Eropah/membentuk beberapa buah negara baru	1
	F5 Pembentukan Liga Bangsa tahun 1919	1
	F6 Menggalakkan keamanan antarabangsa	1
	F7 Menggalakkan kerjasama antarabangsa	1
	F8 Menjamin keselamatan antarabangsa	1
	Liga Bangsa dianggotai negara-negara bersekutu (kecuali Amerika Syarikat) dan negara-negara berkecuali	1
	F9 Ekonomi	1
	F10 Negara-negara berperang mengalami inflasi	1
	F11 Menanggung hutang perang yang tinggi kerana perbelanjaan perang yang besar	1
	F12 Diakhir perang Pakatan Bertiga membelanjakan US\$125 bilion	1
	F13 Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion	1
	F14 Masalah pengangguran	1
	F15 Pasaran dunia diambil alih oleh Amerika Syarikat dan Jepun	1
	F16 ia memberi kesan kepada negara Eropah terutama Britain	1
	F17 Britain kehilangan 1/3 daripada perdagangan luarnya	1
	F18 Sosial	1
	F19 Kehilangan nyawa yang ramai	1
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]
9 (c)	F1 Belajar bersungguh-sungguh hingga ke peringkat tertinggi	1
	F2 Memupuk perpaduan antara kaum	1
	F3 Menjaga keamanan dan keselamatan negara	1
	F4 Hidup bertoleransi dan berganding bahu	1
	F5 Memajukan ekonomi ke peringkat global	1
	F6 Menghasilkan produk untuk pasaran	1
	F7 Memelihara kedaulatan negara	1
	F8 Memelihara demokrasi sedia ada di negara kita	1
	F9 Menghidupkan semangat 1Malaysia (Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 6 x 1 m]	[6m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

